

12/06/2003

Syarikat rakaman kena turun harga kaset, VCD

Sahabat Gua

GEJALA penjualan cakera padat video (VCD) cetak rompak dan lucah yang berleluasa sejak sekian lama, akhirnya dapat dibendung dan dikawal hari ini. Semua ini hasil tindakan bersama semua pihak, atas keprihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memandangi gejala ini

sebagai perkara yang perlu dibanteras segera.

Kita amat bersyukur kerana hasil operasi yang dijalankan oleh pihak berkuasa dalam tempoh dua minggu ini amat baik. Dilaporkan penjualan VCD cetak rompak dan lucah ini dapat dibanteras lebih 80 peratus.

Namun apa dikesalkan adalah tindakan dan sokongan masyarakat industri hiburan yang rasanya lebih banyak berpeluk tubuh dan berdiam diri daripada

turut membantu kerajaan dalam menangani masalah ini.

Sebelum ini, golongan artis dan mereka yang terbabit dalam industri hiburan sering merungut dan mengeluh dengan masalah cetak rompak yang berleluasa. Namun, selepas kerajaan mengambil langkah serius untuk membanteras masalah ini, tidak ada langkah susulan diambil oleh masyarakat

artis, terutama syarikat rakaman.

Kalau ada pun hanya cakap-cakap biasa yang menyokong tindakan kerajaan, tanpa ada inisiatif untuk bertindak dan berkempen kepada pengguna.

Apa yang perlu dibuat oleh artis dan mereka yang terbabit dalam industri hiburan adalah mengadakan kempen atau program khas untuk mengembalikan kesedaran masyarakat supaya membeli bahan tulen.

Pada saat ini, masyarakat yang sebelum ini sentiasa membeli bahan cetak rompak perlu diberi pilihan agar mereka terus memulaukan pembelian bahan itu.

Sehubungan itu, syarikat rakaman perlu menurunkan harga produk mereka serendah yang boleh agar masyarakat dan pengguna boleh membeli dan merasakan berbaloi membeli dengan harga yang ditawarkan itu.

Melalui pemerhatian, harga kaset dan cakera padat (CD) artis tempatan tidak berubah. Perkara ini perlu dipandang serius oleh pihak terbabit kerana masyarakat dan pengguna akan terus membeli bahan cetak rompak, sekiranya harga bahan asli mahal dan tidak munasabah.

Bayangkan sekeping CD album kompilasi dijual di antara RM30 hingga RM40,

walhal kos untuk menerbitkan album itu rendah berbanding album baru. Justeru, tidak salah kalau pengguna terus membeli bahan cetak rompak kerana harga yang ditawarkan jauh berbeza.

Untuk itu saya berharap mereka yang terbabit dalam industri hiburan, terutama syarikat rakaman memikirkan hal ini.

Syarikat rakaman perlu berkorban sedikit dengan menurunkan harga produk mereka dalam mengembalikan keyakinan pengguna untuk membeli yang asli. Jangan terlalu memikirkan keuntungan yang akhirnya akan membuatkan

pengguna tiada pilihan selain membeli bahan cetak rompak.
SAHABAT GUA,
Kota Bharu, Kelantan.